



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

**NAMA KURSUS : GELAGAT ORGANISASI**  
**KOD KURSUS : DSM2113**  
**PEPERIKSAAN : JUN 2023**  
**MASA : 3 JAM**

---

**ARAHAN KEPADA CALON**


1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian: BAHAGIAN A (60 Markah)  
BAHAGIAN B (40 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Kertas Jawapan Objektif
  - iii. Buku Jawapan

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

---

*KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 13 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*



**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **TIGA PULUH (30)** soalan.

Jawab **semua** soalan pada Kertas Jawapan Objektif.

1. Semua yang berikut adalah elemen tingkah laku organisasi, **kecuali**
  - A Struktur.
  - B Manusia.
  - C Teknologi.
  - D Pencapaian.
  
2. Manakah antara berikut merupakan masalah yang kritikal dalam kajian gelagat organisasi ?
  - A Peningkatan ketidakhadiran di syarikat.
  - B Peningkatan kecurian aset oleh pekerja.
  - C Penurunan dalam jualan berpunca dari persaingan.
  - D Kejatuhan tahap produktiviti dalam kalangan pekerja.
  
3. Manakah antara berikut merupakan daya persekitaran yang membentuk personaliti?
  - A Jantina.
  - B Saiz otak.
  - C Pengalaman.
  - D Pewarisan genetik.
  
4. Manakah antara berikut merupakan pernyataan yang berkemungkinan besar dibuat oleh individu yang berkedudukan tinggi dalam carta Machiavellianism?
  - A "Saya akan melakukan apa sahaja yang perlu saya lakukan untuk maju."
  - B "Tidak kira sama ada saya betul atau salah, asalkan saya menjadi tumpuan."
  - C "Saya melakukan apa yang saya fikir perlu. Saya tidak memerlukan orang lain untuk memberitahu saya apa yang betul."
  - D "Saya akan berikan semuanya jika saya perlu; saya perlu mulakan langkah yang besar sekiranya mahukan kejayaan yang besar."

5. Kumpulan tidak formal mempengaruhi organisasi berkaitan\_\_\_\_\_.
- A rangkaian sosial.
  - B organisasi dan individu.
  - C kesejahteraan organisasi.
  - D tiada satu pun pilihan di atas.

6. Pengurus di Syarikat Lee Jong Suk Enterprise membenarkan pekerja bawahannya untuk terlibat secara langsung dalam memberikan input semasa proses membuat keputusan. Ini menyebabkan pengagihan kuasa berlaku dan tindakan yang cepat dapat dilakukan untuk menyelesaikan masalah. Oleh itu, sekiranya ramai pekerja boleh memberi input semasa proses membuat keputusan, terutamanya yang ada kaitan dengan kerja mereka maka mereka tidak merasa diketepikan oleh pihak syarikat.

**Pernyataan 1**

Apakah padanan yang sesuai dengan pernyataan 1?

- A Desentralisasi.
  - B Pengkhususan.
  - C Produktiviti meningkat.
  - D Sistem peraturan dan kuasa.
7. Syarikat Cari Gali Minyak iaitu Mutiara Holdings mempunyai pecahan bahagian seperti kawasan utara, selatan, timur, barat, dan tenggara. Biasanya penjabatan jenis ini sesuai apabila pelanggan organisasi adalah berselerak di merata tempat, dan mempunyai keperluan yang sama mengikut keperluan yang sama mengikut kawasan.

**Pernyataan 2**

Apakah aspek yang sesuai berdasarkan situasi dalam pernyataan 2?

- A Produk.
- B Proses.
- C Geografi.
- D Peralatan.

8. Apakah yang dimaksudkan dengan persepsi?
- A Sesuatu keadaan berlaku secara pantas.
  - B Seseorang perlu berada di dalam keadaan yang tenang.
  - C Individu yang membuat keputusan yang tidak profesional dan berat sebelah.
  - D Individu menyusun dan mentafsir sesuatu andaian peribadi mereka dalam usaha untuk memberi makna kepada persekitaran.
9. Manakah antara berikut, **bukan** faktor yang mempengaruhi persepsi?
- A Situasi.
  - B Sasaran
  - C Kehidupan.
  - D Pembuat tanggapan.
10. Menurut Hierarki Keperluan Maslow, manakah antara berikut, yang merupakan keperluan yang penting dalam kehidupan seorang manusia?
- A Sosial.
  - B Fisiologi.
  - C Harga diri.
  - D Keselamatan.

11.

Puan Farah percaya bahawa pekerjaanya akan mengulangi gelagat apabila diberikan ganjaran positif serta mengelak daripada dikenakan tindakan. Oleh itu, beliau merasakan bahawa dia boleh mempengaruhi prestasi pekerja dengan mengukuhkan gelagat yang bermanfaat kepada firma. Apakah teori yang diaplikasikannya?

**Pernyataan 3**

Apakah teori yang sesuai dalam pernyataan 3?

- A Teori Ekuiti.
- B Teori Jangkaan.
- C Teori Pengukuhan.
- D Teori Motivasi Dua Faktor.

12. Teori Trait dalam kepemimpinan memberi tumpuan kepada\_\_\_\_\_.
- A cara pemimpin membuat keputusan.
  - B gaya pemimpin mengawal situasi tertentu.
  - C sejauh mana pengikut sanggup dan mampu melaksanakan tugas tertentu.
  - D sifat dan ciri peribadi yang membezakan pemimpin dengan bukan pemimpin.


13. 

Naim merupakan seorang pengurus di Kurik Kendi Sdn. Bhd. Beliau akan memastikan pekerjaanya komited kepada organisasi serta memahami visi dan objektif.

**Pernyataan 4**

Manakah antara berikut, gaya pengurusan paling berkesan yang diaplikasikan oleh Naim berdasarkan Grid Pengurusan oleh Blake dan Mouton?

- A (1, 1) Pengurusan Lemah.
- B (9,9) Pengurusan Pasukan.
- C (9, 1) Pengurusan Kuku Besi.
- D (1,9) Pengurusan Kelab Riadah.



Rajah 1

Berdasarkan Rajah 1, apakah kesannya sekiranya pemimpin mengamalkan dimensi struktur daya usaha dan bertimbang rasa?

- A Pemimpin cuba untuk mempunyai hubungan kerja yang ada dengan ciri-ciri saling mempercayai, menghormati, dan mengambil kira perasaan subordinatnya.
- B Pemimpin cuba untuk mempunyai hubungan kekeluargaan yang ada dengan ciri-ciri saling mempercayai, menghormati idea, dan mengambil kira perasaan subordinatnya.
- C Pemimpin cuba untuk mempunyai hubungan kerja yang tidak mempunyai ciri-ciri saling mempercayai, menghormati idea, dan mengambil kira perasaan subordinatnya.
- D Pemimpin cuba untuk mempunyai hubungan kerja yang mempunyai ciri-ciri saling mempercayai, tidak mahu menghormati idea, dan mengambil kira perasaan subordinatnya.

15. Manakah antara berikut, merupakan sumber kuasa utama?

- A Kepakaran.
- B Keterlihatan.
- C Kebijaksanaan.
- D Kebolehgantian.

16. Pengurus perlu sedar bahawa setiap pekerja adalah berbeza dari segi personaliti, kehendak, dan keperluannya. Bagi individu yang mempunyai lokus kawalan diri yang tinggi sudah tentu lebih cenderung untuk memiliki kekuasaan. Begitu juga individu yang mempunyai kemahiran, pengetahuan, dan perhubungan yang baik didapati mempunyai gelagat politik yang lebih terserlah kerana mereka tahu mereka mempunyai kelebihan untuk membuat desakan, menjustifikasikan tindakan, dan seterusnya memperoleh sokongan.

**Pernyataan 5**

Berdasarkan pernyataan 5, apakah faktor yang mempengaruhi gelagat politik di sesebuah organisasi?

- A Individu.
  - B Sokongan.
  - C Kumpulan.
  - D Sumber terhad.
17. Izzue Islam merupakan Pengurus Kewangan di salah sebuah syarikat gergasi di Dubai. Kepakaran beliau dalam bidang kewangan menyebabkan beliau dikagumi oleh seluruh kakitangan daripada aspek-aspek kewangan yang kebiasaannya tidak dimiliki oleh pengurus di bahagian lain.

**Pernyataan 6**

Berdasarkan pernyataan 6, apakah sumber kuasa yang dimiliki oleh Izzue Islam?

- A Sah.
- B Rujukan.
- C Ganjaran.
- D Kepakaran.



18. Berbanding dengan individu yang bekerja sendiri, pasukan mempunyai potensi untuk\_\_\_\_\_.

- i. mewujudkan tenaga kerja yang lebih bertenaga.
- ii. menyediakan perkhidmatan pelanggan yang unggul.
- iii. mengumpul semua idea dan cadangan yang berkaitan.
- iv. membuat keputusan yang lebih baik dan membangunkan produk yang lebih baik.

- A i dan ii
- B i, ii dan iv
- C i, iii dan iv
- D Semua di atas

19. Julia, Bree dan David bekerja di jabatan yang berbeza, tetapi sering makan tengah hari bersama. Mereka adalah contoh pasukan\_\_\_\_\_.

- A maya.
- B rasmi.
- C tidak formal.
- D penyelesaian masalah.

20. Antara berikut, yang manakah **bukan** fungsi komunikasi yang paling penting dalam organisasi?

- A Motivasi.
- B Kawalan.
- C Maklumat.
- D Ekspresi emosi.


21. Sepanjang 10 tahun bertugas sebagai pengurus, Lee Sui Peng dan pekerjaanya telah menggunakan saluran komunikasi di syarikatnya dengan baik. Antaranya ialah kemudahan untuk mendapatkan maklumat dan tindak balas dengan segera. Faedahnya ialah dapat memudahkan penghayatan dan pemahaman secara mendalam terhadap mesej tertentu.

**Pernyataan 7**

Berdasarkan pernyataan 7, apakah jenis komunikasi yang digunakan?

- A Komunikasi secara halus.
- B Komunikasi secara bersemuka.
- C Komunikasi secara berkumpulan.
- D Komunikasi menggunakan media elektronik.

22.



**Rajah 2**

Berdasarkan Rajah 2, apakah perbezaan antara Komunikasi ke Bawah dan Komunikasi ke Atas?

- A Komunikasi ke bawah merujuk kepada aliran mesej dan maklumat daripada pihak atasan manakala komunikasi ke atas merupakan suatu proses memindahkan mesej daripada bawah ke atas.
- B Komunikasi ke bawah merujuk kepada aliran mesej dan maklumat daripada pihak bawahan manakala komunikasi ke atas merupakan suatu proses memindahkan mesej daripada bawah ke atas.
- C Komunikasi ke bawah merujuk kepada aliran mesej dan maklumat daripada pihak atasan manakala komunikasi ke atas merupakan suatu proses memindahkan mesej daripada atas ke bawah.

D Komunikasi ke bawah merujuk kepada suatu proses memindahkan mesej daripada bawah ke atas komunikasi ke atas merupakan aliran mesej dan maklumat daripada pihak atasan.

23. Manakah antara berikut **bukan** strategi dalam menguruskan konflik?

- A Ketidakerasian maklumat.
- B Peranan dan struktur khas.
- C Memperbaiki amalan organisasi.
- D Menggalakkan gaya pengendalian konflik yang sesuai.

24. Antara berikut, yang manakah merupakan faktor yang menjadi penghalang kepada pembuat keputusan?

- A Persaingan.
- B Berkompromi.
- C Permuafakatan.
- D Penilaian prestasi.

25. Selepas keputusan dibuat, Shuhaimi Samanoh, Ketua Pegawai Eksekutif Motor Hebat Corporation, meneliti kesan keputusan itu dan mengambil tindakan pembetulan jika keputusan itu tidak membuahkan hasil yang positif. Langkah dalam proses membuat keputusan ini dirujuk sebagai\_\_\_\_\_.

- A mencapai keputusan
- B mengenal pasti objektif
- C pemantauan dan penilaian
- D memilih strategi pelaksanaan

26.



Gambar 1

Berdasarkan Gambar 1, apakah kesan negatif situasi di atas terhadap sesebuah organisasi?

- A Mewujudkan kumpulan fikir.
- B Mewujudkan pandangan positif terhadap sesuatu situasi.
- C Mengukuhkan komitmen antara para pekerja dengan organisasi.
- D Mengenal pasti dan mendiagnosis masalah yang berlaku dalam organisasi.

27. Prestasi kerja Syed Ali semakin merosot. Dia mengalami masalah peribadi berkaitan keluarga. Apakah jenis sumber yang berpotensi mewujudkan tekanan terhadap Syed Ali?

- A Faktor personal.
- B Faktor kumpulan.
- C Faktor organisasi.
- D Faktor persekitaran.

28. Mardina sudah hampir sembilan tahun bekerja tetapi masih belum menerima apa-apa pertumbuhan kerjaya kerana kekurangan sokongan kumpulan. Manakah antara berikut, situasi beliau mengikut hubungan antara tekanan dan prestasi?

- A Tekanan tinggi sama dengan prestasi tinggi.
- B Tekanan tinggi sama dengan prestasi rendah.
- C Tahap tekanan rendah sama dengan prestasi tinggi.
- D Tahap tekanan yang rendah sama dengan prestasi yang rendah.

29. Manakah antara pernyataan berikut **salah** mengenai perubahan organisasi?
- A Proses perubahan yang paling popular diterima pakai telah dicadangkan oleh Kurt Lewin.
  - B Penolakan kepada perubahan berlaku dalam dua bentuk iaitu penentangan individu dan penentangan organisasi.
  - C Perubahan organisasi ialah pergerakan sesebuah organisasi daripada keadaan sedia ada kepada keadaan yang lebih berkesan.
  - D Lima pendekatan yang digunakan untuk mentadbir rintangan perubahan ialah: pendidikan dan komunikasi, penyertaan dan penglibatan, bantuan dan sokongan, rundingan dan persetujuan, dan manipulasi.

30. Perkerja di Syarikat Emas Sdn. Bhd. merasa bimbang jika dibuang kerja apabila pengurus syarikat melaksanakan penstrukturan semula di Jabatan Pemasaran. Tetapi, pengurus syarikat tidak berniat seperti yang didakwa oleh pekerja. Pengurusan hanya ingin menyusun semula pekerjaanya bukan mengecilkan bilangan pekerjaanya.

**Pernyataan 8**

Berdasarkan Pernyataan 8, apakah teknik yang digunakan oleh syarikat?

- A Penyertaan.
- B Manipulasi dan kerjasama.
- C Pendidikan dan komunikasi.
- D Melaksanakan perubahan secara adil.

[60 MARKAH]

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Tulis jawapan anda pada Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

a. Terangkan **empat (4)** objektif motivasi.

(8 markah)

b. Bincangkan **empat (4)** alat pengukuhan yang akan mengubah suai gelagat berdasarkan Teori Pengukuhan berserta contoh.

(12 markah)

**SOALAN 2**

a. Huraikan **tiga (3)** keperluan yang difokuskan dalam Teori Keperluan McClelland.

(9 markah)

b. Jelaskan berserta gambar rajah tentang Model Kontingensi Fiedler.

(11 markah)

**[40 MARKAH]**

**KERTAS SOALAN TAMAT**

•  
•

⌋

⌋

